

Telaga Tujuh Puteri 'khazanah senyap' Kelantan

Lokasi wajib singgah
untuk mandi selepas penat
mendaki Gunung Stong

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KUALA KRAI - Jauh di pedalaman Dabong tersimpan sebuah lokasi sentiasa menjadi buah mulut pendaki yang pernah menjejakan kaki ke Gunung Stong.

Telaga Tujuh Puteri, tujuh lekukan batu semula jadi yang membentuk kolam-kolam kecil dianggap 'khazanah senyap' Kelantan, memukau dengan keindahan yang tidak terusik sejak lebih empat dekad lalu.

Terletak kira-kira 10 minit dari Kem Baha, kawasan ini menjadi persinggahan wajib untuk mandi-manda selepas pendakian.

Suasananya yang dikelilingi batu granit besar dan aliran air yang menenangkan menjadikan ruang ini seolah-olah sebuah sudut semula jadi yang tertutup dari dunia luar.

Bagi pengunjung, Nur Natasya Amira Che Mat Zaid, 25, Telaga Tujuh Puteri bukan sekadar lokasi persinggahan, tetapi menjadi tempat yang sentiasa memberikan pengalaman berbeza setiap kali dikunjungi terutama ketika masuk ke dalam telaga sedalam kira-kira semeter itu.

Kunjungan pertamanya pada 27 September 2023 bermula ketika mendaki



• Untuk sampai ke Telaga Tujuh Puteri, pengunjung perlu memasuki laluan hutan berhampiran Gunung Stong sebelum mendaki kira-kira dua jam ke Kem Baha dan dari situ perlu mendaki lagi sekitar 10 minit.

• Laluannya tidak mencabar, namun, batu-batu di sekitar telaga sangat licin selepas hujan.

Gunung Baha, Ayam dan Stong tanpa mengetahui langsung kewujudan telaga itu sebelum menemuinya sendiri.

"Pertama kali saya sampai, rasa terpegun, suasana sangat tenang dan penat mendaki terus hilang.

"Apabila masuk ke dalam telaga yang muat-muat seorang untuk mandi, sangat segar," katanya yang mengetahui tentang telaga itu selepas ia kerap muncul dalam paparan cadangan (FYP) TikTok.

Menurutnya, air telaga yang sangat jernih sehingga menampilkan batu dasar menjadi tarikan utama selain bunyi yang menenangkan.


Kawasan riadah yang mampu mengembalikan tenaga selepas mendaki.



NUR NATASYA AMIRA



Kedudukan lima telaga yang tidak berada di aliran sungai.



bila masuk hutan, jangan buang sampah, jangan rosakkan apa-apa," tegasnya.

Saiz, kedalaman berbeza

Penduduk, Nik Ali Nik Muhammad, 34, berkata, tujuh kolam ini terbentuk secara alami hasil hakisan air sejak ratusan tahun dahulu.

Setiap telaga mempunyai saiz dan kedalaman berbeza dan hanya dua daripadanya biasa dimasuki pengunjung.

"Setiap telaga berbeza bentuk, ada yang kecil sekadar muat seorang, ada yang lebih luas sedikit.

"Dua sahaja telaga yang selamat dimasuki kerana airnya tenang," katanya.

Nik Ali berkata, risiko paling besar ialah jika cuaca tidak menentu.

"Apabila hujan, tak digalakkan masuk sebab kita tak akan tahu jika kepala air datang," jelasnya.

Walaupun menjadi lokasi persinggahan popular pendaki sejak 1980-an, kawasan ini tidak berubah. Bentuk telaga masih sama, airnya tetap jernih dan persekitarannya kekal semula jadi.

Di sebalik keindahan fizikalnya, masyarakat tempatan turut menyimpan pesan lama yang masih diamalkan hingga kini.

Ada yang mengatakan kawasan itu 'bertuan', justeru pengunjung diingatkan menjaga adab.

"Orang lama pesan, jangan kencing dalam telaga," ujar Nik Ali ringkas memberi gambaran satu pantang yang menzahirkan penghormatan terhadap alam.

Melihat perubahan ekopelancongan Dabong semakin mendapat perhatian luar, Nik Ali yang juga pemandu pelancong itu turut berharap Telaga Tujuh Puteri akan terkenal di mata pencinta alam semula jadi.

Suasana itu membuatkan mandi-manda di kawasan berkenaan menjadi satu pengalaman yang sukar didapati di tempat lain.

Berkongsi mengenai perjalanan, dia melalui trek ke Kem Baha sebagai pendaki pertama kali dengan anggaran dua jam pendakian, namun diingatkan berhati-hati terutama selepas hujan kerana batu di sekitar telaga mudah menjadi licin.

"Wajib pakai kasut yang sesuai sebab batu boleh jadi licin.

"Paling penting, jaga adab